

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 6/1979**

=====

**KESALAHAN HUTAN DAN PENEROKAAN
HARAM TANAH KERAJAAN**

Pejabat-pejabat Tanah sentiasa mengambil tindakan di atas penerokaan-penerokaan haram di atas Tanah Kerajaan mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara. Tetapi perhatian hendaklah diberi kepada Enakmen Hutan Seksyen 24(1) yang memberi kuasa kepada Pegawai Hutan dan Pegawai Polis menangkap seseorang yang disyaki telah terlibat dengan satu kesalahan hutan yang ditakrifkan sebagai kesalahan-kesalahan yang boleh didenda di bawah Undang-undang Hutan ataupun di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 53 dan di bawah peraturan ini di antara lain tidak dibenar menebang, memotong, mengerat ataupun merosakkan dengan api atau lain-lain barang mana-mana pokok di atas Tanah Kerajaan. Dengan yang demikian penerokaan haram ini diluar-luar bandar adalah berpunca dengan melakukan kesalahan hutan dengan menebang pokok-pokok di atas Tanah Kerajaan sebelum diteroka untuk pertanian ataupun tapak perumahan sahaja. Dengan adanya peruntukan ini di bawah Enakmen Hutan tindakan di atas kesalahan hutan ini hendaklah diambil pada awalnya oleh Pejabat Hutan dan Polis. Mereka pun memang ada pegawai-pegawai yang lengkap untuk menjaga dan mengambil tindakan.

2. Sepatutnya apabila diketahui ada pokok-pokok kayu kecil atau besar ditebas, ditebang di atas Tanah Kerajaan dengan tidak ada kebenaran hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Hutan Daerah sebagai satu kejadian kesalahan hutan untuk mengambil tindakan awal sebelum tanah itu diusahakan untuk tanaman atau kediaman. Sungguhpun Seksyen 425 Kanun Tanah Negara mengistilahkan juga sebagai juga sebagai satu kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara dan boleh diambil tindakan di bawah 426(a) tetapi oleh sebab pokok-pokok kayu atau barang-barang perhutanan adalah di bawah penjagaan khas oleh Pejabat Hutan di bawah Enakmen Hutan maka tindakan melaporkan kepada Pejabat Hutan sebagai kesalahan hutan adalah difikirkan wajar terlebih lagi mereka ada mempunyai kakitangan dan kemahiran yang cukup yang sentiasa berkawal di dalam hutan dan segala kerosakan dan kecurian adalah menjadi tugas utama bagi pejabat itu.

3. Pejabat Tanah hanya dikehendaki mengambil tindakan jika sekiranya Pejabat Hutan gagal menahan penebangan haram di atas Tanah Kerajaan barulah Pejabat Tanah mengambil tindakan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara samada di waktu penebangan membakar pokok-pokok itu atau diusahakan dengan tanaman. Tetapi dimana-mana tanah itu tanah kosong yang tidak ada berpokok hanya ditumbuhi oleh lalang atau rumput rampai maka bolehlah Pejabat Tanah mengambil tindakan bersendirian pada lebih awal lagi.

4. 'Pokok' diistilahkan sebagai termasuk akar, tunggul, batang, dahan, pokok-pokok kecil, pokok-pokok berpelapah, rotan dan manau dan tumbuh-tumbuhan yang menjalar.

5. Memandangkan daripada bentuk dan loghat Undang-Undang dan Peraturan Hutan maka jelaslah kawalan hutan di dalam perkara yang dipersoalkan ini adalah tugas Pejabat Hutan. Pegawai Tanah juga diberi kuasa jika sekiranya Pejabat Hutan gagal untuk mengambil tindakan dimana-mana satu kejadian yang tidak dapat dikawalinya. Ini adalah lebih jelas lagi oleh kerana Pejabat Hutan sajarah yang tahu dimana-mana hutan yang telah dikeluarkan lesen untuk menebang ataupun mengeluarkan hasil-hasil hutan dan sesiapaakah yang memegang lesen-lesen itu serta syarat-syarat mengeluarkan.

6. Bagi tanah di dalam bandar yang diteroka secara haram untuk membuat rumah kediaman ataupun bengkel-bengkel atau kilang-kilang adalah menjadi tugas yang penting kepada Perbandaran, Majlis Bandaran, Majlis Tempatan yang berkuasa untuk mengawal pendirian bangunan-bangunan di dalam kawasan mereka. Oleh kerana merekalah yang menjaga dan mengeluarkan kebenaran-kebenaran untuk mendirikan segala bangunan-bangunan di dalam kawasan mereka. Dengan yang demikian segala pembinaan rumah-rumah haram hendaklah dirujuk kepada pihak-pihak yang berkuasa iaitu Lembaga Bandaran, Majlis Bandaran dan sebagainya untuk tindakan mereka di atas pembinaan bangunan tiada kebenaran. Jika tidak ada tindakan, Pejabat Tanah itu dibolehkan mengambil tindakan.

7. Adalah diperhatikan di dalam perkara ini, Pejabat Tanah di beri kuasa mengambil tindakan mencegah pencerobohan Tanah Kerajaan termasuk penebangan pokok-pokok di atas Tanah Kerajaan dan juga di atas rumah-rumah haram di dalam Majlis Tempatan atau Majlis Bandaran tetapi kuasa ini ada serupa dengan kuasa Polis yang berkuasa mengambil tindakan di atas semua kesalahan tetapi menjadi tanggungjawab kepada Pejabat-pejabat yang dikhaskan menjagai sesuatu perkara itu. Pejabat Tanah tidak mengambil tindakan awal jika ada pejabat tertentu yang mengawasinya dan Pejabat Tanah hanya mengambil tindakan jika pejabat yang ditugaskan itu gagal mengambil tindakan di atas satu-satu sebab.

8. Dengan demikian tuan-tuan adalah diminta jika mengetahui satu-satu kes penebangan haram pokok-pokok kayu di atas Tanah Kerajaan hendaklah melaporkan kepada Pejabat Hutan Daerah itu di bawah tajuk "Penebangan Pokok-Pokok Secara Haram " dan bukannya di bawah Penerokaan Haram supaya mereka boleh mengambil tindakan.

9. Bagi kawasan-kawasan selain daripada itu di dalam kawasan Perbandaran atau Majlis Bandaran jika rumah-rumah di dirikan secara haram hendaklah dilaporkan kepada Perbandaran atau Majlis Bandaran itu di bawah tajuk "Pembinaan Rumah Secara Haram Dengan Tidak Berpelan Atau Kebenaran" dan bukan di bawah tajuk penerokaan tanah secara haram supaya mereka boleh mengambil tindakan awal. Jika diberi tajuk penerokaan haram maka semestilah perkara itu menjadi tugas Pemungut Hasil Tanah. Walhal ada lagi Pejabat-pejabat atau kuasa-kuasa yang diperlukan mengambil tindakan awal seperti yang

dijelaskan di atas. Perbadaran dan Majlis Bandaran memang ada pegawai yang dikhaskan untuk menjaga pembinaan rumah-rumah dan majlis-majlis itu adalah ditugaskan untuk menyemak pelan-pelan bangunan dan menimbangkan segala permohonan untuk membina bangunan-bangunan dan meluluskan jika sesuai dan mengambil tindakan dimana bangunan didirikan tanpa pelan ataupun tanpa kebenaran. Jadi diatas merekalah terletaklah tanggungjawab mengawasi pembinaan rumah-rumah haram.

T.T

(DATUK RAJA BRIMA SULONG BIN RAJA ROME)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL SULIT. 0115/SJ 60(4)

SHAH ALAM

7HB JULAI 1979